



# SENARAI SEMAK WASIAT

[hanaffi.com](http://hanaffi.com)

Senarai semak ini akan membantu anda senaraikan harta dan disertakan penerangan yang mudah faham. Mudah-mudahan ia akan membantu anda. Anda boleh share kepada sahabat atau saudara mara terdekat semoga sama-sama mendapat manfaat.

Hanaffi Idris 0165577653



# Senarai semak : **Wasiat**

## **Dokumen yang diperlukan:**

- Salinan ic pewasiat
- Salinan ic penerima (isteri / anak-anak / mak ayah / adik beradik)
- Salinan sijil nikah (jika harta nak diserahkan kepada pasangan)
- Salinan sijil lahir anak-anak (jika harta nak diserahkan kepada anak)

## Maklumat harta tak alih dan alih

- Rumah / tanah – geran
- KWSP
- ASB
- Polisi takaful
- Akaun bank
- Saham / sher
- Kereta / moto - geran
- Emas fizikal (gambar sudah memadai)

## **Nota penting:**

Geran atau Sales and Purchase agreement diperlukan. Tetapi hanya fotostat bahagian penting sahaja iaitu bahagian yang menyatakan Lot no, pt no, daerah dan lain-lain. Bahagian sains pembeli juga diperlukan.

Bagi simpanan bank hanya salinan penyata kewangan yang mengandungi no akaun, nama dan ic. (Berapa nilai atau baki tak perlu, sebab wasi akan mula mengakses harta anda selepas mendapat geran probet dari mahkamah). Bahasa mudah selepas kematian akan semak terkini/semasa kejadian.

## **Hutang**

- Senaraikan hutang peribadi
- Senaraikan hutang orang kepada kita

## **Nota penting:**

Disarankan anda mempunyai nilai semasa atau baki yang masih ada. Jika hutang melibatkan individu sila nyatakan Nama / Alamat / No fon agar memudahkan wasi menghubungi individu terlibat. Bagi hutang yang disertakan insurans / takaful tidak perlu kerana ia akan diselesaikan. Walaubagaimanapun digalakan maklum agar wasi boleh berurusan dengan jabatan / syarikat terlibat.

---

### Penjaga anak bawah umur

- Salinan ic penjaga
- No fon penjaga
- Alamat penjaga

### Nota penting:

Sila berhubung dan berbincang terlebih dahulu dengan bakal penjaga bagi mengelakkan sebarang isu timbul dikemudian hari. Boleh senaraikan beberapa individu yang dipercayai.

---

### Arahan pewasiat

- Sila nyatakan bagaimana harta tersebut nak diagihkan.

Berikut adalah contoh arahan:

- Saya menyerahkan harta saya kepada isteri 60%, anak 40%
- Saya menyerahkan kwsp 80% kepada isteri, 10% kepada ayah, 10% kepada ibu.
- Saya wasiatkan perniagaan saya julung bitara holdings sdn bhd yang saya mempunyai syer sebanyak 50% diwasiatkan kepada isteri saya.
- Saya mewasiatkan isteri saya adalah penjaga kepada anak saya. Sekiranya beliau meninggal dunia serentak dengan saya, saya melantik adik saya (nama & ic) sebagai penjaga kepada anak saya.

---

### Soalan Lazim

#### **Q : Adakah terdapat harta yang tidak disenaraikan sebagai harta pusaka?**

A: Ada, iaitu:

- Pencen
- Harta yang dipinjam
- Harta yang telah dihibah
- Harta yang telah diwakafkan
- Bayaran di bawah Akta Keselamatan Social Pekerja 1969 Perkeso
- Pemberian oleh orang-orang yang menziarahi si mati
- Duit pampasan atau gratuiti
- Harta yang telah diberi atau dijual kepada orang lain

#### **Q : Saya banyak hutang daripada harta, adakah perlu buat wasiat?**

A: Sangat digalakkan, berwasiat dengan harta yang sedia ada dan berwasiat supaya ahli waris menyelesaikan hutang terlebih dahulu. Buat polisi takaful hibah untuk selesaikan hutang.

“Diampun semua dosa orang yg mati syahid kecuali jika dia mempunyai hutang (dengan manusia).” (Riwayat Muslim)

#### **Q : Saya mualaf, boleh wasiat kepada ibubapa saya yang bukan islam?**

A: Boleh, tiada masalah. Asalkan tidak melebihi 1/3 daripada jumlah harta. Jika lebih 1/3 ia perlu mendapat keizinan dari waris-warisan yang lain.

**Q : Saya nie perlu buat wasiat atau hibah? Sebab ramai orang kempen hibah, saya agak keliru.**

A : Ia bergantung kepada kondisi anda. Jika anda dalam kategori di bawah, maka hibah digalakkan.

Contohnya:

- Ada anak perempuan sahaja
- Ada anak perempuan yang sedikit berbanding anak lelaki
- Tiada waris ashabul furud (waris yang dekat)
- Ada anak yang ingin diberikan harta secara sama rata pada masa hidup

Wasiat pula digalakkan jika anda berada dalam kategori berikut:

Contohnya:

- Ada anak angkat / anak tiri.
- Pasangan yang tiada anak.
- Individu yang belum berkahwin.
- Individu yang berpoligami.
- Mualaf yang ingin berikan harta kepada keluarganya yang belum Islam.
- Membeli harta secara bersama.
- Individu yang ingin berikan hartanya kepada sesiapa yang diingini.
- Ahli perniagaan.
- Jemaah haji.
- Individu yang berkahwin semula.

**Q : Apa beza wasiat dan hibah?**

A : Wasiat dilaksanakan selepas anda mati, hibah dilaksanakan semasa hidup.

**Q : Saya ada banyak harta yang masih berhutang bagaimana?**

A : Boleh, tiada masalah. Nyatakan dalam wasiat kerana hutang akan dilangsaikan dahulu sebelum wasiat dilaksanakan nanti.

**Q : Saya banyak hutang daripada harta, adakah perlu buat wasiat?**

A : Sangat digalakkan, berwasiat dengan harta yang sedia ada dan berwasiat supaya ahli waris menyelesaikan hutang terlebih dahulu.

Hutang ini perlu dijelaskan kerana impaknya ke atas anda di akhirat kelak. Sepertimana Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Roh seseorang mukmin itu akan tergantung-gantung di akhirat kelak, hingga dia melunaskan hutangnya".

**Q : Apa itu wasiat?**

A : Wasiat adalah iqrar, pesanan atau arahan oleh pemilik harta secara lisan atau bertulis bagi menguruskan harta miliknya selepas dia mati.

**Q : Kepada siapa saya boleh wasiatkan harta?**

A : Kepada bukan waris seperti anak angkat, anak tiri, orang yang terhalang dari terima pusaka kita, masjid, surau, rumah anak yatim, maahad tahfiz dan seumpamanya.

**Q : Kalau nak wasiat kepada waris juga boleh ke?**

A : Kalau nak wasiat kepada waris juga, perlu mendapat persetujuan dari waris-waris yang lain sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud, Rasulullah saw pernah bersabda “Tidak harus wasiat kepada waris kecuali diizinkan oleh waris yang lain”. Bermakna, jika ada persetujuan waris tiada masalah.

Untuk mengetahui lebih lanjut, sila rujuk disini: <http://hanaffi.com/soalan-lazim-wasiat/>

Hanaffi Idris

Contact: +60165577653

Website: <http://hanaffi.com>

Facebook fanpage: <https://web.facebook.com/hanaffi.idris>

